



Hak Untuk Berbeza Pendapat

Lim Kit Siang
Sebuah Lakaran Biografi

595

01

Ooi Kee Beng



Hak Untuk Berbeza Pendapat

::| Sebuah lakaran biografi tentang Lim Kit Siang |::

Ooi Kee Beng

PUSTAKA PERDANA



1011333



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
TAYARAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Hak Untuk Berbeza Pendapat

Sebuah lakaran biografi tentang Lim Kit Siang

Pengarang : Ooi Kee Beng
Penterjemah : A1 Mustaqeem Rodni
Penyunting : Wan Hamidi Hamid
Gambar Kulit : DAP Malaysia
Reka cipta muka hadapan oleh : PM Wang
Format kandungan oleh : Genta Media

Diterbitkan oleh:

REFSA

Block A, 2nd Floor, Wenworth Building,

Jalan Yew, Off Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur.

Dicetak oleh:

Vinlin Press Sdn. Bhd. (25680-X)

No.2, Jalan Meranti Permai I, Meranti Permai Industrial Park, Batu 15,

Jalan Puchong, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.

Terbitan Pertama : Jan 2012

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Obi, Kee Beng, 1955-

Hak untuk berbeza pendapat : Sebuah lakaran biografi tentang Lim Kit Siang/

Ooi Kee Beng.

ISBN 978-967-5942-09-9

1. Lim, Kit Siang, 1941-. 2. Politicians-Malaysia-Biography

3. Malaysia-Politics and government. I. Judul.

923.2595

Hakcipta © REFSA

Hakcipta terpelihara. Tiada satu pun bahagian daripada terbitan ini boleh diterbit semula, disimpan dalam sistem dapatan msemula, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa jua cara, tanpa kebenaran penerbit terlebih dahulu. Penulis adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pendapat dan pandangan yang dinyatakan dalam buku ini yang mana tidak semestinya menggambarkan pendapat penerbit.

Jika terdapat kecacatan seperti muka surat yang hilang atau kesilapan dalam penjilidan, sila pulangkan buku ini kepada pihak penerbit untuk ditukar ganti.

Isi Kandungan	III
Penghargaan	VII
Pengantar	IX
Bahagian Satu: Sebelum 1969	1
<i>Sisipan-sisipan</i>	
1. Terjemahan rencana pertama yang memuatkan nama Lim Kit Siang sebagai penulis di <i>The Straits Times</i> , 13 Ogos 1963	19
2. Terjemahan perjanjian di antara NTUC dan AUPE, disaksikan oleh Lim Kit Siang pada 15 Oktober 1965	21
3. Ucapan (petikan) oleh Setiausaha Penyelaras DAP, En. Lim Kit Siang, pada debat kebudayaan DAP-Gerakan di Auditorium MARA pada 24 November, 1968	23
Bahagian Dua: Di Antara Dua Penahanan Isa	37
<i>Sisipan-sisipan</i>	
4. Ucapan oleh Setiausaha Penyelaras DAP Lim Kit Siang di forum “Mahasiswa dan Politik” di Program Latihan Kepimpinan Mahasiswa Tahunan Kedua, anjuran University Malaya Students’ Union di Universiti Malaya, 2 April 1968	63
5. Kenyataan akhbar oleh Setiausaha Penyelaras DAP Lim Kit Siang, pada 12 Mei 1969	71
6. Kenyataan oleh Lim Kit Siang di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sebelum bertolak ke Sabah pada 13 Mei 1969	95
7. Suntingan daripada wawancara dengan Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng, anak sulung Lim Kit Siang, oleh	97

Tang Siang Ching untuk dokumentari yang diterbitkan pada tahun 2011	
8. Surat Lim Kit Siang dari Kem Tahanan Muar kepada Perdana Menteri, bertarikh 5 Ogos 1969	107
9. Surat kepada Pengerusi DAP Dr. Chen Man Hin daripada Lim Kit Siang ketika berada dalam tahanan, bertarikh 31 Disember 1969	113
10. Ucapan oleh Setiausaha Agung DAP dan Ahli Parlimen Bandar Melaka, Lim Kit Siang, pada majlis makan malam anjuran DAP Pulau Pinang di Restoran Sun Hoe pada 22 November 1970	119
11. Ucapan Parlimen oleh Ahli Parlimen DAP bagi Bandar Melaka, Lim Kit Siang, berkenaan Rang Pindaan Perlembagaan 1971 ketika Parlimen bersidang semula pada 23 Februari 1971	125
12. Ucapan oleh Setiausaha Agung DAP dan Ahli Parlimen bagi Bandar Melaka, Lim Kit Siang, pada Program Latihan Kepimpinan Pelajar ke-Enam, anjuran Kesatuan Pelajar Universiti Malaya, 27 April 1972	147
13. Kenyataan Akhbar oleh Pemimpin Pembangkang dan Ahli Parlimen bagi Bandar Melaka, Lim Kit Siang, di Melaka pada 22 Ogos 1973	151
Bahagian Tiga: Strategi Baru	155
<i>Sisipan-sisipan</i>	
14. Kenyataan media oleh Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang, setiausaha agung DAP dan Ahli Parlimen Tanjong, pada 10 Ogos 1999	167
15. Ucapan Lim Kit Siang di Centre for the Study of the Chinese Southern Diaspora (CSCSD), Australian National University, Canberra, pada 1 Mei 2000	171



16. Kenyataan Media oleh Lim Kit Siang — Ahli Parlimen Ipoh Timur dan Pengerusi Suruhanjaya Dasar Pusat dan Perancangan Strategik — pada Selasa, 25 Mac 2008 di Petaling Jaya	187
17. Kenyataan blog pada 26 Disember 2010 oleh Lim Kit Siang berkenaan tiadanya perubahan dalam dasar-dasar Najib Razak	191
Tentang Pengarang	197

Hak Untuk Berbeza Pendapat ~ Sebuah lakaran biografi tentang Lim Kit Siang

::I PENGHARGAAN I::

Saya diminta untuk menyiapkan buku ini dalam masa amat singkat. Namun saya tidak dapat membayangkan untuk tidak mengerjakannya sebaik saja persetujuan untuk menerbitkannya dicapai di antara teman baik saya Liew Chin Tong (Ahli Parlimen Bukit Bendera dan peneraju Refsa), saudari Lim Hui Ying (anak perempuan Lim Kit Siang) dan saya sendiri.

Saya sentiasa tertarik dengan politik Malaysia dan sentiasa menginginkan sebuah buku tentang Lim Kit Siang. Jadi, apabila peluang muncul untuk saya sendiri menulisnya, saya paling kurang pun teruja. Saya harus berterima kasih kepada Chin Tong dan Hui Ying atas peluang ini.

Sejak menyiapkan buku Tun Dr Ismail Abdul Rahman—The Reluctant Politician (ISEAS)—pada tahun 2006, saya membayangkan jika saya berpeluang menulis sebuah buku lain tentang salah seorang tokoh politik Malaysia yang bergiat sejak tahun 1970-an hingga hari ini, saya akan berhasil meliputi dalam bentuk tertentu seluruh sejarah Malaysia sejak tahun 1950-an; dan sekiranya ahli politik berkenaan daripada barisan pembangkang, tentunya lebih baik.

Buku tentang Lim Kit Siang pasti akan mengisi ruang itu dengan sempurna, fikir saya. Saya amat bersyukur projek ini datang ke ribaan tanpa saya perlu berusaha terlalu keras.

Terima kasih paling mendalam semestinya saya persembahkan buat Lim Kit Siang sendiri yang telah meluangkan masa sehari suntuk untuk berdepan dengan pertanyaan-pertanyaan yang pastinya telah beliau dengar berjuta-juta kali dan telah berjuta-juta kali juga menjawabnya. Beliau orangnya yang tidak pernah ada waktu lapang. Begitu pun, beliau telah sudi menjemput saya untuk menyertainya dan keluarga untuk makan malam sebelum hari wawancara apabila beliau mendapat tahu saya tiba awal di bandar.

Saya amat menghargai layanan baik keluarganya, kebaikan hati dan kesabaran Lim Kit Siang sendiri serta kesediaannya untuk melancarkan projek ini, selain atas kesudiannya untuk berkongsi pengalaman politiknya dengan saya dalam suasana tenang di rumahnya. Hui Ying membuat persiapan, menyediakan sebuah bilik untuk ayahnya dan saya

berbual tanpa diganggu selama beberapa jam pada 20 Disember 2010. Pertemuan tersebut berlangsung pada pagi yang sama Pakatan Rakyat mengadakan persidangan di Pulau Pinang dan empat hari sebelum Parlimen secara sembarangan menggantung empat anggota Parlimen PR untuk tempoh enam bulan.

Saya juga ingin berterima kasih kepada saudari Tang Siang Ching dan Loo Shun Ming dari Image Farm Productions atas kemurahan hati mereka dan kerana membenarkan saya memanfaatkan bahan daripada dokumentari mereka tentang Lim Kit Siang.

Saya membayangkan, sesiapa saja yang berminat dengan politik Malaysia pasti tidak sabar untuk membaca tentang kehidupan Lim Kit Siang—sama ada Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Melanau, Portugis, Serani, Baba, Nyonya, Bugis, Minangkabau, Tamil, Thai, Kelantan, Kedah, Sri Lanka, Orang Asli, ... (saya boleh menyenaraikan hingga satu atau dua halaman lagi, namun mungkin anda telah faham tujuan saya menyebut nama sekian macam etnik yang sepatutnya dibanggakan Malaysia, tetapi tampaknya tidak). Kehidupan Lim Kit Siang merupakan satu kunci untuk memahami proses pembinaan negara Malaysia. Kerana itu, saya bersyukur mendapat peluang menulis buku tentangnya.

Saya cuba untuk melengkapkan buku ini dengan memberikan notakaki terperinci kepada istilah, nama khas, peristiwa sejarah dan sebagainya yang disebutkan oleh Lim Kit Siang dalam wawancara. Saya juga memilih untuk menggunakan sisipan-sisipan sebagai cara untuk memudahkan pembaca meninjau suasana khusus setiap zaman yang disebut dalam wawancara dan persoalan yang disentuh. Saya tidak menggunakan kaedah lampiran di bahagian akhir buku seperti yang biasa dipakai, sebaliknya saya membahagikan bahan-bahan berkenaan kepada tiga bahagian dan menyisipkannya di antara pembahagi-pembahagi wawancara. Ini bagi memudahkan pembaca membuat rujukan.

Saya amat berharap akan muncul dalam masa terdekat sebuah buku yang lebih lengkap dan mendalam tentang Lim Kit Siang dan kehidupan politiknya untuk direnung oleh bangsa Malaysia dan warga dunia.

::I PENGANTAR I::

Saya telah merancang agar wawancara sepanjang sehari suntuk yang digunakan sebagai asas buku ini terisi dengan pandangan-pandangan Lim Kit Siang tentang kehidupan dan falsafah, tentang rantau Asia Tenggara dan Asia Selatan, tentang politik kekuasaan global, tentang kebangkitan China dan India dan pengertiannya bagi Malaysia, serta tentang kekuatan-kekuatan sosial baru di negara ini.

Tetapi tidak lama kemudian jelas kepada saya bahawa seorang manusia yang berada di kedudukan Lim Kit Siang, malah di hari ini, setelah lebih empat puluh tahun terlibat dalam politik, masih perlu berhati-hati dalam tuturnya, justeru musuh-musuhnya tidak pernah berehat; setiap kata yang keluar dari mulutnya diteliti, diseleweng dan digunakan sebagai peluru untuk menembaknya. Seperti banyak lagi pemimpin-pemimpin pembangkang di Malaysia, terutama pemimpin pembangkang sepertinya yang dikenal sentiasa konsisten dalam setiap isu besar yang pernah dibincangkan di Parlimen Malaysia sejak 1971, selain banyak lagi isu-isu yang tidak pernah dibenarkan untuk dibincangkan di dalamnya, beliau berhak untuk berhati-hati. Malah, sememangnya bijak untuk beliau berhati-hati. Ada seribu sebab untuknya berhati-hati secara keterlaluan lebih daripada orang lain. Begitu pun, paranoianya masih wajar.

Bukan mudah untuk sentiasa berwaspada, apatah lagi bagi seseorang yang berada di barisan depan pertempuran politik. Dalam keadaan itu, beliau harus benar-benar memahami keadaan sekeliling yang sentiasa berubah dan menajamkan deria untuk bertindak secara berkesan. Kehebatan Lim Kit Siang dalam membuat keputusan politik dengan baik dan pantas telah menjadi legenda.

Selepas membaca sebahagian soalan-soalan yang saya cadangkan, Lim Kit Siang menjadi kurang pasti bagaimana wawancara berkenaan akan ditangani. Ada dua sebab. Berkenaan soalan-soalan yang lebih berat, tampaknya beliau lebih suka untuk mengambil masa bagi memikirkan jawapannya. Malangnya beliau tidak punya masa untuk diluahkan buat masa ini, banyak pertempuran politik yang perlu dihadapinya setiap hari. Sebab kedua, beliau bimbang apa saja yang dituturkannya secara khusus dan longgar akan digunakan terhadapnya



sebaik saja ia dikemukakan ke muka umum, khususnya ketika orang menjangka kerajaan persekutuan akan mengadakan pilihanraya tidak lama lagi.

Jadi, kami memutuskan untuk berbincang tentang kehidupan beliau sebagai ahli politik dan detik-detik politik terpenting baginya. Untuk diri saya sendiri, bahkan biografi ringkas beliau saja sudah memadai dan ia cukup untuk mencerminkan sejarah politik Malaysia sejak akhir 1960-an.

Sudah pasti, untuk berlaku adil kepada Lim Kit Siang harus dikaji kehidupannya secara mendalam. Buat masa ini, saya harus berpada dengan buku ini. Saya memilih pendekatan wawancara panjang dengan beliau untuk memastikan sebuah buku tentangnya akan terbit bersamaan dengan hari jadinya yang ke-70 pada 20 Februari 2011. Untuk membaca biografi lebih lengkap, kita harus menunggu beberapa tahun lagi untuk ia ditulis, oleh seorang pengkaji yang meneliti kehidupan beliau secara sepenuh masa.

Sejak lama Malaysia menanti munculnya sebuah pengkisahan berkerangka tentang kehidupan Lim Kit Siang, meski tanpa perincian tentang setiap zaman. Ini percubaan saya untuk memenuhi kekosongan itu.

Mencecah usia 70 tahun, peranannya telah beralih. Setelah lama berada di barisan depan sepanjang waktu susah dan senang sepanjang beberapa dekad yang lampau, beliau telah menjadi sebuah ikon, sebuah institusi. Parti yang telah beliau asaskan bersama rakan-rakan lain telah bertahan dan tumbuh berkembang. Kehebatannya, sejauh yang saya rasakan sewaktu wawancara dengannya, berada pada cara beliau terus-terusan mengilhami generasi lebih muda. Beliau menjalani hidupnya menurut cara yang harus dijalaninya, bersesuaian dengan cabaran-cabaran politik zamannya dan bersesuaian dengan prinsip kehidupan yang dipegangnya. Beliau tidak pernah merasa mampu bertolak-ansur dengan kezaliman, namun beliau terus mengambil jalan-jalan yang sesuai dengan Perlembagaan, meski pun terpaksa menempuh pengalaman peribadi yang memedihkan dan mengharung kemerosotan proses keparlimenan di Malaysia.

Sebahagian orang mengkritik beliau kerana membantu mengabsahkan proses kemerosotan tersebut dengan terus berpegang kepada prosedur-prosedur keperlembagaan walau pun prosedur-prosedur itu sendiri diselewengkan menerusi penyalahgunaan kuasa

oleh parti-parti pemerintah. Namun keteguhan semangatnya untuk melangkah terus telah mendorong generasi-generasi lebih muda di Malaysia untuk percaya bahawa jika tekad mereka cukup kuat, dan jika jumlah mereka cukup banyak, mereka akan meraih cara untuk melakukan perubahan menerusi proses itu, atau malah merubah proses itu sendiri.

Dalam menggunakan haknya untuk berbeza pendapat dan meluahkan pandangan secara terbuka, Lim Kit Siang memberitahu kepada kita bahawa jika hak asasi ini tidak kita gunakan, maruah individu, integriti manusia dan rasa keadilan kita akan menguncup dan mati.

Sewaktu wawancara juga saya menyedari betapa besar kepayahan yang harus ditanggung oleh anggota keluarga orang-orang seperti Lim Kit Siang. Mereka adalah korban-korban yang terlupakan, sedangkan penderitaan mereka bukan sedikit.

Lim Kit Siang juga merupakan suatu bahagian yang amat penting dalam sejarah politik Malaysia sehinggakan kita merugikan diri sendiri apabila kita tidak berusaha untuk mengetahui lebih mendalam tentang cubaan dan rintangan yang telah beliau hadapi. Kenyataan bahawa ungkapan ini—cubaan dan rintangan—digunakan begitu kerap dalam wawancara ini, sama ada bagi menceritakan pengalamannya sendiri atau pengalaman rakan-rakannya, seperti Fan Yew Teng, menjadi ingatan buat diri saya tentang pengorbanan-pengorbanan yang telah dibuat oleh manusia seperti beliau. Mereka ini boleh mengambil jalan lebih mudah—malah, telah banyak kali mereka diberi kesempatan untuk mengambil jalan mudah apabila berdepan dengan ancaman, pengurangan, penyiasatan polis, pembulian di Parlimen, penghinaan di muka umum, ugutan dan kekerasan.

Tetapi mereka tidak memilih jalan mudah. Lim Kit Siang tidak memilih jalan mudah, selama lebih empat puluh tahun. Melihat hakikat ini saja cukup untuk membuatkan kita takjub, tidak kira apa kepercayaan politik kita.

Kita memang ada hak untuk berbeza pendapat.

::| BAHAGIAN SATU |::

SEBELUM 1969



LIM KIT SIANG telah berada di barisan hadapan politik Malaysia semenjak Parti Tindakan Demokratik didaftarkan pada 1966. Walau pun telah ditahan tanpa bicara sebanyak dua kali - pada 1969 dan 1987 - selama tiga tahun, beliau kekal sebagai tokoh politik utama yang berdiri teguh menentang corak politik berasaskan kaum yang diamalkan oleh gabungan parti pemerintah negara. Keberanian dan keutuhan bekas wartawan ini dalam menjuarai demokrasi berparlimen dan nilai-nilai liberal berdepan dengan autoritarianisme telah membentuk lanskap politik Malaysia lebih mendalam daripada apa yang diandaikan selama ini. Lim Kit Siang tidak boleh diketepikan, dari dulu hingga sekarang.

Walaupun apa pun, tidak banyak kisah ditulis tentang ahli politik yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas ini. Buku ini - ditulis berasaskan satu wawancara yang panjang dengan beliau - adalah satu usaha untuk memperbetulkan jurang pengetahuan tentang beliau serta untuk melakarkan kisah hidup tokoh yang penuh berinspirasi ini.



Dr OOI KEE BENG dilahir dan dibesarkan di Pulau Pinang, Malaysia. Buku-bukunya yang dihasilkan termasuk buku yang memenangi anugerah *The Reluctant Politician: Tun Dr Ismail and His Time* (2006); *In Lieu of Ideology: The Intellectual Biography of Goh Keng Swee* (2010); *March 8: Eclipsing May 13* (2008); *Malaya's First Year at the United Nations* (2009); *Lost in Transition: Malaysia under Abdullah* (2007) dan *Between UMNO and a Hard Place* (2010). Beliau adalah Timbalan Pengarah di Institute of Southeast Asian Studies, Profesor Madya Pelawat di Hong Kong City University dan National University of Singapore, dan Pengarang Penang Economic Monthly.

Lim Kit Siang
Politicians - Malaysia
Political culture - Malaysia
Biography - Malaysia

ISBN 978-967-5942-09-9



9 789675 942099
Harga RM20

PERBANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERBANA